

MPOB-UKM meterai perjanjian penyelidikan fenolik sawit

➔ Lanjutan kolaborasi penyelidikan pra-klinikal sejak 2017

Oleh Dr Syed Fairus Syed Abu Bakar
fairus@mpob.gov.my

✦ Bangi



Datuk Dr Ahmad Kushairi dan Prof. Madya Dr. Roslee bertukar dokumen perjanjian bagi usaha sama penyelidikan antara MPOB dan UKM di Bangi.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani memorandum perjanjian (MOA) berkaitan kolaborasi penyelidikan percubaan klinikal bagi mengkaji keberkesanan jus fenolik sawit.

MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din manakala UKM diwakili, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr Roslee Rajikan.

Perjanjian ini adalah lanjutan kolaborasi penyelidikan pra-klinikal fenolik sawit yang dijalankan bersama oleh penyelidik Kumpulan Fenolik, Unit Metabolik dari Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka (ABBC) MPOB dengan

penyelidik Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan UKM pada 2017.

Jalinan kerjasama antara ABBC dan Fakulti Perubatan UKM mula dirintis sejak tahun 2012 membatinkan penyelidik MPOB dan UKM.

Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, kerjasama seperti ini penting dalam menjana data saintifik dan klinikal bagi menangkis dakwaan pihak tertentu yang melobi penggunaan minyak sawit sebagai punca kepada pelbagai masalah penyakit kardiovaskular yang melanda populasi tempatan dan dunia.

"Melalui MOA ini, projek percubaan klinikal fasa satu lanjutan

dan fasa dua dapat dilaksanakan secara sistematik dalam usaha MPOB memperkenalkan jus fenolik sawit sebagai satu lagi produk nutraseutikal yang terhasil dari industri hiliran sawit.

Jana data saintifik

Sementara itu, Prof. Madya Dr Roslee Rajikan mengalu-alukan kolaborasi seperti ini dijalankan di UKM, khususnya bersama Fakulti Perubatan.

Katanya, UKM mempunyai Fakulti Perubatan yang terbaik di Malaysia dan antara yang terbaik di rantau Asia.

"Kepakaran yang ada, disokong

dengan wad penyelidikan klinikal dan makmal dilengkapi instrumen terkini serta kemudahan hospital yang mengutamakan penyelidikan terdapat di Pusat Perubatan UKM (PPUKM) Cheras.

"Satu lagi kelebihan yang dimiliki oleh PPUKM adalah penyelidikan klinikal berkualiti tinggi dijalankan dengan kos yang lebih rendah berbanding institusi lain yang menawarkan perkhidmatan sama di luar negara," katanya.

Pemberian geran penyelidikan daripada MPOB sebanyak RM1.56 juta ini juga akan menguntungkan negara dari terbitan hasil penyelidikan yang boleh dibangunkan untuk

kegunaan industri dan rakyat serta pembangunan modal insan terutama bagi melahirkan pelajar pasca siswazah UKM.

Kerjasama ini juga akan menjana data saintifik menerusi penyelidikan fenolik sawit untuk dijadikan bahan kajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) disamping meningkatkan kepakaran MPOB dan UKM menerusi hasil perkongsian idea dan ilmu.

UKM turut mencadangkan penebuan Pusat Kolaborasi Penyelidikan UKM-MPOB, khususnya dalam bidang penyelidikan kesihatan bagi memperkukuh jalinan kerjasama sejak lebih tiga dekad.